

**NO SOALAN : 5**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN NEGARA MALAYSIA**  
**MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KE-2**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]**

**TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO 5**

**TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah permohonan yang telah diterima dan diluluskan, mengikut pecahan negeri, untuk program "Readiness Assessment (RA)" di bawah Pelan Industri 4.0, dan apakah hasil penilaian program RA setakat ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Permohonan atas talian bagi Program Penilaian Kesediaan (Readiness Assessment (RA)) telah dilancarkan pada 28 Januari 2019. Setakat 30 Jun 2019, MITI telah menerima sebanyak 475 permohonan daripada syarikat-syarikat di seluruh Malaysia kecuali Perlis. Permohonan tersebut akan melalui tapisan bagi memastikan maklumat yang dinyatakan dalam permohonan adalah benar dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Pecahan permohonan mengikut negeri adalah seperti berikut :

- |                        |                            |
|------------------------|----------------------------|
| i. Selangor : 205      | viii. Negeri Sembilan : 18 |
| ii. Johor : 59         | ix. W. Persekutuan : 13    |
| iii. Pulau Pinang : 57 | x. Kelantan : 7            |
| iv. Perak : 32         | xi. Sabah : 7              |
| v. Kedah : 25          | xii. Terengganu : 7        |
| vi. Sarawak : 22       | xiii. Pahang : 5           |
| vii. Melaka : 18       |                            |

## **NO SOALAN : 5**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan ketelusan dan integriti dalam pemilihan syarikat untuk menjalani program RA, saringan ke atas setiap syarikat dibuat melalui Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu RA. Jawatankuasa-jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil dari kementerian, agensi dan juga industri yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi dan industri. Pemilihan yang dibuat adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan bagi memastikan aspirasi untuk menggalakkan peralihan industri ke Industri 4.0 dapat dicapai.

Sehingga 3 Julai 2019, sebanyak 60 syarikat daripada 475 telah dipilih untuk menjalani program RA yang pertama. Pecahan syarikat yang dipilih mengikut negeri adalah seperti berikut:

i.	Selangor	:	23	vii.	Perak	:	2
ii.	Pulau Pinang	:	13	viii.	Sarawak	:	1
iii.	Johor	:	5	ix.	Sabah	:	1
iv.	Melaka	:	5	x.	Kelantan	:	1
v.	Kuala Lumpur	:	4	xi.	Terengganu	:	1
vi.	Kedah	:	4				

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan agensi-agensi berkaitan akan meneruskan program seranta ke seluruh bagi memupuk kesedaran dan menggalakkan lebih banyak syarikat untuk menyertai program RA.

Dengan sokongan dan bantuan daripada semua pihak, aspirasi Kerajaan untuk membangunkan industri ke arah Industri 4.0 akan menjadi kenyataan.